

PM DEDAHK JURUTERA MAHU STAT

PETALING JAYA, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri D. Mahathir Mohamad, hari ini mendedahkan terdapat beberapa jurutera yang hanya memeningkatkan status dan tidak mahu bekerja di kilang bersama pekerja bawahan yang lain.

Salahinya, jurutera-jurutera tersebut mahu bilik khas dan enggan turun ke bahagian kilang. Di segi pergaulan, mereka enggan bercampur gaul bersama

juruteknik dan pekerja lain yang tarafnya lebih rendah dari mereka.

"Saya dapat tahu terdapat beberapa jurutera yang dihantar ke luar negeri untuk berkursus, apabila balik sahaja ke tanahair dan diberi kerja di tempat yang sesuai dengan pengalaman, mereka mahu bilik khas untuk mereka," jelas Perdana Menteri ketika berucap di depan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus intensif Bahasa Jepun di Institut Teknologi Mara, Jalan Ohman, di sini.

Datuk Seri Dr.

Mahathir menegaskan, sekiranya amalan begini terus diamalkan, kejayaan tidak boleh tercapai.

Sebagai perbandingan, Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan, semasa melawat Jepun, beliau berpeluang melihat sebuah kilang besi yang mengeluarkan besi kira-kira 12 juta tan setahun.

Di sana, tidak ada pejabat yang indah, sebaliknya jurutera dan pekerja-pekerja bawahan tidak dapat dikenali. Mereka bekerjasama. Tidak seperti

beberapa jurutera di negara ini yang mahu bilik berhawa dingin dan dibias dengan lajur.

Beliau mengingatkan seramai 136 pelajar yang akan berlepas ke Jepun bulan depan, supaya balik membawa pengalaman dan teknologi.

Katanya, kalau pergi kerana mahukan gaji-gaji Beri peluang kepada orang lain.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, apa yang harus dipelajari ialah etika kerja dan kerajinan mereka bekerja

di negara tersebut. Katanya, sifat rajin bekerja, penting bagi membolehkan seseorang itu mahir dalam tugas yang diberikan.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pekerja yang malas dan mengira masa akan melambatkan segala usaha yang dijalankan.

Di Jabatan Pelajar-pelajar Malaysia di London, Perdana Menteri menegaskan, kerja mengubahsuaikan yang dijalankan oleh pekerja-pekerja barat yang tertakluk kepada Keamatan, hanya dapat disiapkan dalam tempoh 2½ tahun.

Padahal, apabila pekerja-pekerja tersebut boleh disiapkan dalam masa tiga bulan sahaja.

Pengaruh

Perdana Menteri, ketika mengunjungi dasar Fandang Ke Timur menjelaskan, tidak ada sahalnya meniru kemajuan orang lain, asalkan nilai-nilai tempatan dikekalkan.

Jepun juga meniru barat semasa Maharaja Meiji dahulu dan sekarang mereka lebih maju dari beberapa negeri barat itu sendiri. Mereka masih kekal dengan cara hidup dan kebudayaan mereka sendiri hingga ke hari ini.

Apa yang penting, dalam penyerapan teknologi-teknologi dari luar, nilai kebudayaan tempatan terus diamalkan.

Semasa kita meniru barat dahulu, semua pengaruh dibawa masuk. Tak salah meniru barat sekiranya ia mendatangkan kebaikan tetapi sekiranya semua yang tidak elok dan bertentangan dengan tatasusila negara ini dibawa masuk, itu adalah salah," ujar Perdana Menteri lagi.

Beliau berkata, dasar Memandang Ke Timur bukanlah bererti menolak terus barat.



● PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (berbaju Melayu) bertanya sesuatu kepada salah seorang pelajar yang mengikuti kursus intensif Bahasa Jepun di Institut Teknologi Mara, Jalan Ohman, Petaling Jaya, semalam, sambil Pengerusi Majlis Insitut Iu, Datuk Mansor Othman (tapi sebelah kiri Perdana Menteri) mendengar dengan teliti.

Tentulah, Datuk Seri Dr. Mahathir ingin mendengar peruturan Bahasa Jepun yang telah dipelajari Seratus tiga puluh enam pelajar yang mengikuti kursus enam bulan itu akan berlepas ke Jepun bulan depan.

Pengaruh Institut Teknologi MARA, Nik Abdul Rashid bin Nik Abdul Majid (kiri) turut mendengar perbualan itu.

No. Siri 2933
No. Penerimaan 678/82